

Ucapan: ADHO

478

97/80

534-153/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn, Di-upachara Pembukaan Rasmi Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban oleh D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada hari Sabtu, 17hb. Jun, 1972, pukul 10.00 pagi

D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar dan

D.Y.M.M. Tunku Ampuan, Ampun Tuanku, patek menguchap-kan satinggi2 terima kaseh kerana Tuanku telah sudi menchemarkan Duli berangkat menghadziri upachara pembukaan rasmi bangunan baru, Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan. Mudah2an, dengan berkat tuah dan daulat kebesaran kebawah Duli Tuanku merasmikan pembukaan Pejabat ini, muga2 Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan, akan sentiasa menjadi sumber untok memberi sapenoh2 peluang dan kemudahan kapada mereka yang hendak menggunakan-nya, untok mendatangkan faedah kapada diri persaorangan dan faedah kapada orang2 ramai seluroh-nya di-bidang pelajaran. Ampun Tuanku, patek memohon izin beruchap kapada hadzirin sekalian.

2. Y.A.M. Dato' Undang Luak Sungai Ujong dan Toh Puan, ~~Y.A.M. Dato' Undang Luak Jelebu dan Toh Puan, Y.A.M. Dato' Undang Luak Johol dan Toh Puan, Y.A.M. Dato' Undang Luak Rembau dan Toh Puan, ~~Y.A.M. Tengku Besar Tampin dan Toh Puan, Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Datin, tuan2 dan puan2 yang di-hormati~~ sekalian.~~

3. Saya terlebih dahulu menguchapkan ribuan terima kaseh pada tuan2 dan puan2, kerana telah sudi menerima jemputan Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan, menghadziri upacara pembukaan rasmi Pejabat baru^{nya}. ~~Jabatan Pelajaran ini.~~ Kehadziran tuan2 menunjukkan bahawa hadzirian sekalian mempunyai lebeh minat yang begitu mendalam terhadap perkembangan pelajaran anak2 kita, ~~sekalian.~~ ~~Sabelum saya memanjangkan ucapan,~~ saya terlebih dahulu^{saya} suka menyatakan bahawa bangunan baru Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan ini telah dibena dengan menelan belanja sebanyak lebeh kurang \$380,000/= dan bangunan ini telah siap di-bena

dalam bulan Disember tahun lalu dan sebaik sahaja siap maka Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan telah menggunakan bangunan baru ini pada 16hb. Disember, 1971. Bangunan lama yang di-bena dalam tahun 1923 telah di-rubohkan dan tapak-nya di-gunakan bagi bangunan baru ini. [Mungkin para hadzirin akan bertanya sementara menunggu bangunan baru ini siap di-mana-kah Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan telah di-tempatkan? Ia-itu selama ini telah menggunakan bangunan Pusat Latehan Harian di-Sikamat.]

4. Kapada pegawai2 dan kakitangan2 Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan dan juga Pejabat2 Pelajaran yang lain seluruh tanah ayer, saya berharap dan menggesa mereka, dengan ada-nya kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan, maka lebih banyak lagi kerja dapat di-jalankan untuk kepentingan pelajaran anak2 kita. Saya selalu menyatakan bahawa pejabat saya di-Kuala Lumpur sentiasa terbuka kapada orang ramai dan demikian-lah ^{lah} ~~hendak-lah~~ kapada Pejabat2 Pelajaran ^{di-negeri²} / ~~lain di-tanah~~

~~ayer ini~~. Dengan berbuat demikian orang ramai ada-lah di-persilakan datang menemui pegawai2 pelajaran dan kakitangan2 yang lain untok menanya-kan sesuatu atau pun mendapatkan penerangan2 mengenai satu2 perkara yang kurang mereka ketahui. Jadi dengan berbuat demikian faedah-nya amat-lah besar kapada diri kita sendiri dan juga anak2 kita untok mendapatkan ilmu pengetahuan masing2.

5. Pelajaran merupakan satu usaha yang ber-kehendakkan tenaga dan fikiran yang waras untok me-laksanakan-nya dan perbelanjaan yang banyak juga ada-lah di-kehendaki untok melaksanakan projek2 pembangunan pelajaran dari setahun ka-setahun. Di-Negeri Sembilan ini, projek2 pembangunan pelajaran dari tahun 1966 hingga 1970, ia-itu Ranchangan Malaysia Yang Pertama, jumlah projek 341 yang terdiri dari pembinaan, 109 buah projek untok sekolah menengah dan 232 buah projek untok sekolah rendah, dan kedua2 projek telah menelan belanja

lebih kurang \$8.9 juta. Selain daripada itu Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian2 lain telah dapat membena di-Negeri Sembilan ini 467 buah bilek darjah, 74 buah bilek makmal sains, 14 buah bilek sains rumah tangga, 10 buah bilek seni perusahaan, ~~dan~~ Bilangan sekolah menengah yang telah di-bena ia-lah 10 buah, sementara 13 buah pula untok sekolah2 rendah. Oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan, ada bahagian kechil projek2 untok tahun 1970 telah terpaksa di-bena pada tahun lalu dan tahun ini, ia-itu projek bagi tahun 1971 berharga \$1.4 juta, sementara untok tahun 1972 berharga \$6.2 juta.

6. Negeri Sembilan semenjak negara ini mencapai kemerdekaan, amat-lah bernasib baik kerana telah memperolehi setakat ini, 2 buah sekolah berasrama penuh, ia-itu Kolej Tunku Khursiah dan Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak yang telah di-pindahkan awal tahun 1972. Sungguh pun demikian Kementerian Pelajaran tidak

berpuas hati setakat mengadakan sekolah2 yang ter-
sebut malahan dalam rancangan Kementerian Pelajaran,
kami akan membena 9 buah lagi projek2 yang lebih besar,
ia-itu sekolah menengah vokeshenal di-Ampangan, sa-
buah Sekolah Menengah Teknik Ampangan, Sekolah Menengah
berasrama penoh di-Kuala Pilah dan juga Sekolah Menengah
Dato' Abdul Razak, untuk peringkat pertama dan kedua,
Sekolah Menengah Pertang, Jelebu dan Sekolah Menengah
Ayer Kuning Selatan. Sementara itu juga Kementerian
Pelajaran akan membena sekolah2 rendah, ia-itu di-
Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan Bukit Rokan Utara,
Tampin, di-Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Palong
Satu, Kuala Pilah dan Lembaga Tanah Persekutuan Pasoh
Satu. Dengan ada-nya projek2 saumpama ini, ada-lah
menjadi harapan saya dan juga Kerajaan untuk melihat
lebih ramai lagi anak2 kita melanjutkan pelajaran
menengah mereka dan hingga-lah ka-yayasan2 pelajaran
tinggi dan Universiti. Kita juga berharap dengan ada-
nya bangunan2 baru dan kemudahan2 yang lain, dapat kita
mengatasi masalah kechichiran dari satahun ka-satahun.

Dalam hubungan ini saya perchaya ibu bapa tidak mahu anak2 mereka gagal dalam pelajaran mereka. Ini tidak-lah saharus-nya menjadi chita2 sahaja kalau tidak di-usahakan dengan memberi galakan kapada anak2 kita untok belajar bersungguh2.

7. Di-dalam upachara yang bersejarah pada pagi ini, saya suka mengumumkan bahawa Ranchangan Latehan Guru Kementerian Pelajaran ~~Malaysia~~, mulai pada tahun 1973, akan di-satukan, ia-itu menyatukan Ranchangan2 Latehan Perguruan Rendah dan Menengah Rendah.
8. Pada tahun2 yang lalu Kementerian Pelajaran mengadakan dua jenis kursus latehan perguruan, ia-itu pertama, untok guru2 sekolah rendah dan satu lagi untok guru2 sekolah menengah yang memakan masa dua tahun. Tetapi kali ini, kita akan menyatukan kedua2 latehan menjadi satu dengan tujuan untok mengadakan latehan akademik, ikhtisas dan peribadi bagi sasaorang guru.

9. Rancangan yang di-chadangkan ini meliputi beberapa aspek, ia-itu di-antara-nya dalam tahun pertama, semua guru2 pelateh akan mengikuti satu rancangan yang sama dengan asas yang lebeh luas yang di-arahkan untok mengajar peringkat pertengahan rancangan pelajaran sekolah asas selama sembilan tahun, saperti yang terdapat dalam sistem pelajaran negara ini.

10. Peringkat pertengahan ini meliputi darjah tiga hingga tingkatan satu, ia-itu bagi murid2 yang berumur dari 8 hingga 12 tahun. Mengikut rancangan-nya, dalam latehan tahun kedua, guru2 pelateh ini akan membuat pilehan untok menentukan sama ada mereka hendak menitek-beratkan pelajaran kapada peringkat awal kanak2, yang terdiri dari kelas2 rendah bawah, ia-itu yang berumur dari 4 hingga 7 tahun, termasuk pendidekan sabelum bersekolah (Pre-School Education), atau peringkat awal masa remaja, yang terdiri dari tingkatan2 dua dan tiga, ia-itu yang berumur 13 dan 14 tahun.

11. Dengan ini nanti, maka sekim yang di-
chadangkan ini, akan mengeluarkan dua kumpulan guru, ia-
itu kumpulan A, terdiri dari guru2 yang boleh mengajar
dari darjah satu hingga tingkatan satu, dan kumpulan B,
ia-lah guru2 yang boleh mengajar dari darjah tiga hingga
tingkatan tiga.

12. Mengikut chadangan Kementerian Pelajaran,
kursus pengajaran ini akan meliputi beberapa aspek
mata pelajaran, ia-itu kursus pelajaran ikhtisas, pe-
lajaran pandang dengar, penggunaan perpustakaan, dan
tata ra'ayat, pelajaran jasmani dan kesihatan.

13. Di-samping itu juga di-adakan kursus ke-
maheran bahasa dan kursus2 mata pelajaran sekolah, ter-
masuk juga ektiviti2 curricular yang meliputi ektiviti2
perkhidmatan masharakat dan juga pengajaran prektikal.

14. Ada-lah di-harapkan dengan ada-nya sekim
latehan perguruan yang baru ini, maka kita dapat mengelu-
kan guru2 yang lebeh berkelebar untok mengajar, bukan
sahaja untok sekolah2 rendah, malahan juga di-sekolah
menengah. Kementerian Pelajaran saperti mana yang


kita ketahui, akan terus mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan untuk menambah lagi ilmu pengetahuan guru2, supaya mereka dapat menyahut chabaran masa dan menchurahkan ilmu pengetahuan pada anak2 kita yang dahagikan didekan dan asohan daripada mereka.

15. Saya berharap gulongan2 baru yang bakal menjadi guru, akan memahami sadalam2-nya hasrat Kerajaan memberi latehan kapada mereka, dan apabila tamat daripada latehan, saya berharap mereka akan bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-hantar.

16. Dengan ada-nya bangunan baru yang chantek, maka terpulang-lah di-atas bijaksana, kesungguhan dan kesanggupan pihak yang berkenaan, yang mengendalik-kan pejabat ini, untuk menyusun, meranchang dan menyedia-kan kegiatan2 ^{dan} aktiviti2 untuk kegunaan dan faedah anak2 kita di-negeri ini. Pihak Kementerian Pelajaran akan menyumbangkan lagi perojek2 yang lain dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini, dan dengan ada-nya kerjasama yang ^{oleh} di-beri ~~pada~~ pihak2 lain, ada-lah di-harapkan tidak

akan timbul kerumitan2 dan apa2 halangan, dalam mem-
bekalkan kemajuan2 yang lebeh banyak, bagi faedah murid2
di-sekolah2 di-Negeri Sembilan khas-nya.

17. Ampun Tuanku beribu2 ampun, demikian-lah
patek sudahi ucapan yang rengkas ini dengan menyusun-
kan jari memohon ampun dan menjunjong kaseh kebawah
Duli. Ampun Tuanku beribu2 Ampun.



dan timbul kerumitan dan apa halangan, dalam mem-
belikan kemajuan yang lebih banyak, bagi tadbir urus
di-asekai di Negeri Sembilan khas-nya.

17. Ampun Tuanku berhubung ampun, demikian-lah
patut sudah utapan yang rangka ini dengan menyuan-
kan jati memohon ampun dan menjangka kasih kebawah
Duli. Ampun Tuanku berhubung Ampun.



No. Siri 111
No. Penerimaan 111/80